

# Malaysia destinasi terbaik perniagaan telekomunikasi – Najib

UM-25/1/2007

SHAH ALAM 24 Jan. - Malaysia merupakan destinasi yang menarik untuk syarikat-syarikat telekomunikasi meluaskan aktiviti perniagaan mereka, meskipun pasaran untuk perkhidmatan telefon mudah alih di negara ini telah mencapai 81.6 peratus.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini kerana masih terdapat perkhidmatan komunikasi yang belum diterokai sepenuhnya iaitu perkhidmatan jalur lebar mudah alih.

Menurut beliau, seharusnya syarikat-syarikat telekomunikasi di negara ini merebut peluang tersebut memandangkan daripada jumlah 3.75 juta pelanggan Internet, hanya 2.5 peratus merupakan pelanggan jalur lebar.

"Saya percaya syarikat telekomunikasi seperti Digi Telecommunication Sdn. Bhd.

(Digi) kini dalam usaha meneroka peluang dalam perkhidmatan jalur lebar mudah alih pada masa akan datang," katanya ketika merasmikan ibu pejabat Digi di sini, malam ini.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Pengerusi Digi, Arve Johansen serta Ketua Pegawai Eksekutifnya, Morten Lundal.

## Langkah

Najib turut meminta majikan di negara ini berusaha menyediakan persekitaran kerja yang lebih selesa supaya pekerja mereka sentiasa produktif dan komited.

"Malah, langkah ini akan membolehkan pekerja terbabit lebih setia dengan majikan masing-masing sekali gus mengelakkan mereka berhijrah ke syarikat lain," katanya.

Justeru, Timbalan Perdana Menteri mahu kejayaan Digi mewujudkan suasana sedemikian dengan penubuhan D'House dicontohi oleh semua majikan.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Digi kerana berjaya mewujudkan suasana selesa untuk pekerja mereka di D'House. Di sini persekitaran yang dibina adalah mengikat penyelesaian pekerja.

"Konsep pejabat seperti ini merupakan sesuatu yang baru dan saya yakin langkah Digi ini akan menyemarakkan lagi semangat pekerja untuk menyumbang kepada syarikat," ujar beliau.